

02 FEB 1999

LTDL-Malaysia

PELUMBA MALAYSIA HARUS LEBIH BERHATI-HATI, KATA JOO NGAN

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Pelumba-pelumba Malaysia harus bijak mengatur perancangan pada perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTDL) '99 peringkat pertama esok untuk mencipta kemenangan dan mengelak daripada kecederaan yang mungkin menyebabkan mereka tersingkir daripada perlumbaan.

Jurulatih negara Ng Joo Ngan berkata para pelumba harus lebih berhati-hati terutama ketika perlumbaan kriterium yang akan melibatkan perlumbaan dalam kelompok yang besar pada laluan yang agak sempit.

"Saya sudah ingatkan kepada pelumba-pelumba supaya tidak terlalu ghairah pada perlumbaan kriterium kerana laluan yang berbahaya.

"Tiada gunanya mereka membahayakan keselamatan mereka kerana jika mereka cedera, mereka mungkin terpaksa melupakan hasrat untuk meneruskan cabaran seterusnya," katanya selepas jamuan tengah hari LTDL'99 bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Perlumbaan peringkat pertama akan melibatkan dua acara iaitu perlumbaan ujian masa di sebelah pagi dan perlumbaan kriterium mengelilingi pekan Kuah pada sebelah petang.

Sebanyak 150 pelumba akan bersaing pada LTDL '99 yang merangkumi 12 peringkat perlumbaan dari 3 hingga 14 Feb.

Mengulas mengenai laluan perlumbaan ujian masa, Joo Ngan berkata laluan berbukit mungkin memberi sedikit kesukaran kepada pelumba negara untuk menyaingi pelumba-pelumba profesional yang lebih berpengalaman.

Bagaimanapun beliau berkata latihan intensif selama lebih kurang sebulan pada laluan berbukit memberi gambaran bahawa skuad negara mampu untuk mengungguli acara itu di kalangan pelumba-pelumba Asia.

"Para pelumba negara sudah menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan pada latihan bukit mereka. Walaupun agak sukar bagi mereka untuk menyaingi pelumba-pelumba profesional, mereka mungkin mampu untuk bersaing dengan pelumba-pelumba Asia," katanya.

Filipina, China dan Indonesia memang terkenal dengan kepakaran mereka pada perlumbaan di laluan berbukit di kalangan pelumba-pelumba Asia.

Joo Ngan berkata Tsen Seong Hoong dan Shahrulneeza Razali merupakan pelumba terbaik negara pada laluan berkenaan dan berharap kedua-dua pelumba itu bersedia untuk perlumbaan esok.

Selain itu, skuad Malaysia membariskan pemenang pingat perak Sukan Komanwel ke-16, Nor Affandy Rosli, Musairi Musa, Mohd Mahadzir Hamad dan Suhaimi Keton pada perlumbaan kali ini.

-- BERNAMA

ERE NMO